

Malaysia Beat Asian All-Stars En Route To Final
Bernama
12 April, 2013

MELAKA, 12 April (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam meminta penjawat awam, khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT), mempertahankan kerajaan BN pada pilihan raya umum ini.

Ini kerana, katanya, selain mempunyai agenda ikhlas dan mampan dalam membangunkan negara, kerajaan BN juga menjaga kebajikan serta mempertahankan penjawat awam yang sering menjadi sasaran pelbagai tuduhan termasuk rasuah.

"Banyak pihak terutama pembangkang menuduh kerajaan kita sekarang ini tidak baik, begitu, begini, rasuah, menuduh kita ini semua tidak bagus.

"Tapi kalau mereka memerintah, mereka akan buang separuh kakitangan awam yang ada...mereka menghina kita sampai begitu rupa sebab itu saya harap semua pegawai dapat menilai ucapan dan dasar pihak pembangkang dan menilai siapa yang lebih ikhlas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis perhimpunan PBT negeri itu yang dihadiri kira-kira 1,000 warga kerja PBT dari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) di sini Jumaat.

Mohd Ali yang juga Ketua Menteri Melaka berkata berbeza dengan tuduhan pembangkang, semua PBT di Melaka menunjukkan prestasi cemerlang serta mencatat peningkatan kutipan hasil.

Katanya MBMB memperoleh kutipan hasil kira-kira RM179.7 juta pada tahun lepas berbanding RM140.9 juta pada 2011, manakala MPAG berjaya mengutip RM27.5 juta pada tahun lepas, berbanding RM27.4 juta pada 2011.

MPJ pula memperoleh jumlah kutipan hasil kira-kira RM17.8 juta tahun lepas berbanding RM15.6 juta pada 2011 sementara MPHTJ mengutip RM58.3 juta pada tahun lepas berbanding RM42.2 juta pada 2011.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941520>